

KUALA LUMPUR 22
Sept. — Menteri
Pelajaran, **Dr. Maha-**
thir Mohamad gem-
bira kerana para pe-
lajar telah bertindak
dengan bijak menyerah-
kan kembali kuasa kepa-
da pihak berkuasa un-
versiti.

Tindakan mereka itu
menunjukkan sebilangan
besar dari para pelajar
Universiti Malaya adal-
ah bertanggungjawab,
katanya.

"Bilangan pelajar
yang tidak bertanggung-
jawab hanya segelintir
saja dan mereka inilah
yang sering-kali bertin-
dak liar," tambahnya.

Dr. Mahathir juga
menyatakan tindakan
pelajar itu merupakan
satu pertanda baik ser-
ta membuktikan mere-
ka masih sanggup dan
boleh menyelesaikan
masaalah mereka sendiri.

Menteri Dalam Negeri,
Tan Sri Ghazali Shafie
pula yakin bahawa se-
bilangan besar penun-
tut negara ini menaruh
sepenuh-penuh keyaki-
nan terhadap kedsaula-

Perkembangan

di UM: Mahathir- U. M. 23 SEP 1974 Ghazali gembira

tan undang-undang dan
peraturan.

Mereka juga menaruh
keyakinan tentang beta-
pa perlunya undang-un-
dang dan peraturan itu
dikekalkan dan dipertahan-
kan sepanjang masa.

Dalam satu kenyata-
an, Tan Sri Ghazali ber-
kata beliau telah mene-
liti dan mempertim-
bangkan perkembangan
yang berlaku mengenai
tindakan yang telah di-
ambil oleh golongan so-
sialis dari Universiti
Malaya yang mendesak
kerajaan membebaskan
tanpa syarat dua orang
penuntut yang ditang-
kap polis dan dituduh
di Mahkamah Johor
Bharu.

Tan Sri Ghazali ber-
kata tindakan golongan
sosialis mengambil aihh
Universiti Malaya itu
adalah satu perbuatan
yang melanggar undang-
undang.

"Kejayaan sebilangan
besar penuntut mema-
tahkan golongan sosia-
lis itu dan dengan serta-
merta menyerahkan se-
mula pentadbiran kepa-
da pihak berkuasa uni-
versiti jelas membukti-
kan keyakinan saya ter-
hadap kesanggupan dan
kebolehan sebilangan
besar penuntut itu me-
nyelesaikan masaalah
mereka sendiri dalam
rangka undang-undang
dan berpandukan sema-
ngat Rukunegara," ka-
tanya.